

| | | | |
|------------|--------------------------|-------------|--------------------|
| Headline | Sedia hadapi cuaca panas | | |
| MediaTitle | Harian Metro | | |
| Date | 25 Jul 2016 | Color | Black/white |
| Section | Setempat | Circulation | 1,270,667 |
| Page No | 11 | Readership | 3,812,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 53 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,218 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 3,654 |



Sedia hadapi cuaca panas

Lembaga Tabung Haji (TH) menambah peralatan serta kemudahan perubatan sebagai persediaan menghadapi sebarang kemungkinan berikutan cuaca panas dijangka melanda Arab Saudi sepanjang musim haji di Tanah Suci tahun ini.

Pengurus Besar Kanan TH (Haji) Datuk Syed Saleh Syed Abdul Rahman berkata, pihaknya tidak boleh menambah pegawai perubatan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia kerana jumlah visa terhad.

Beliau berkata, kelengkapan perubatan untuk kemudahan jemaah haji dari Malaysia itu akan ditempatkan di beberapa lokasi utama di Tanah Suci khususnya di Padang Arafah dan Mina.

"Setiap tahun kami membawa bersama seramai 250 pegawai perubatan di bangunan penginapan jemaah haji, lapangan terbang dan pusat rawatan kesihatan di sana," katanya ketika ditemui, semalam.